UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 48/49 - Julai/Ogos 05 *15hb September 2005*





Malam Di Ambang Merdeka





Tahniah! kepada semua keluarga kampus kerana berjaya mendapat

Persijilan ISO 9001:2000 (LRQA)



inside !

Mesej Timb Pengarah HEA & Alumni

Persijilan ISO 9001:2000

Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM)

Toastmasters Club

Pak Mat: A profile

Language of the Heart

Seminar Pemantapan Siswa

Kursus Aplikasi e-Learning

Kecemerlangan Berterusan

Perjalanan menuju Wawasan 2020 yang membawa kita menjadi sebuah negara maju dalam tempoh 15 tahun akan datang berhadapan pelbagai cabaran dan kemungkinan berlaku peristiwa di luar dugaan. Tidak mustahil perkara seperti krisis mata wang serantau pada tahun 1997 dan 1998 berulang lagi dan jumlah graduan menganggur akan bertambah jika generasi pelapis masa depan tidak berhati-hati dan berwaspada.

Kerajaan telah membuat andaian mengenai apa yang boleh berlaku ke atas anak bangsa kita dan menyeru kita membuat persediaan awal sebaik-baiknya terutama dalam pembangunan



Mesej Timbalan Pengarah HEP & Alumni

Prof Madya Dr Hj Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit

insaniah dan pendidikan. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Comenius (1650) sebagai "wholly educated" dalam kata-katanya "Our wish is that every man and woman should be wholly educated, rightly/armed not only in one single matter or in a few or even in many, but in all things which perfect human nature.

Salah satu daripada tujuh strategi yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke arah Fasa Kedua Wawasan 2020 ialah mempercepatkan pembangunan pendidikan dengan penekanan kurikulum kepada teknologi baru. Saranan untuk mempercepatkan pembangunan pendidikan ini merupakan tanggungjawab UiTM untuk menggandakan kemasukan pada semester-semester mendatang. Dalam masa yang sama UiTM akan terus menggiatkan program pengantarabangsaan untuk memupuk kebudayaan dan teknologi terkini. Sejak tahun lepas UiTM Kampus Samarahan telah menerima pertukaran pelajar Amerika Syarikat seramai 16 orang dan pada tahun ini seramai 32 orang lagi telah bersama pelajar-pelajar kita dari 16 Julai hingga 15 Ogos 2005.

Satu lagi strategi kerajaan untuk Wawasan 2020 ialah meneruskan penekanan kepada pembangunan insaniah. Usaha melahirkan "perfect human nature" ini juga telah dikatakan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor dalam perutusan Majlis Perasmian Minggu Mesra Siswa yang lepas sebagai "Personaliti Unggul (Excellence personality). Apa yang beliau maksudkan dengan "Personaliti Unggul ialah sifat terpuji seseorang yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun. Seseorang yang berpersonaliti unggul adalah dia yang sentiasa rajin berusaha, gigih bekerja, memiliki tingkat kesabaran tertinggi, sentiasa sihat rohani dan jasmani, sentiasa berfikiran terbuka dan seimbang, adil, saksama, jujur, tahu berterima kasih, sedar diri, sentiasa memikirkan kesejahteraan orang lain, tidak pentingkan diri peribadi, tidak mengambil jalan mudah untuk berjaya dan meningkatkan kedudukan diri, sentiasa pemurah, sentiasa membantu, mengenang budi, tidak mudah berputus asa, menghormati sesama makhluk dan mengagungkan kebesaran Ilahi.

Kita yakin UiTM dapat melahirkan graduan yang berpotensi unggul ini yang "dihempas tak pecah, dilentur tak patah dan ditumbang tak rebah".

Jelita sungguh puteri bersanggul
Makan ketupat di laman rumah
Siswa UiTM berpersonaliti unggul
Capai matlamat pembangunan insaniah

" Holistic education, as John P. Miller defines it in The Holistic Curriculum (1996., is essentially concerned with connections in human experience — connections between mind and body, between linear thinking and intuitive ways of knowing, between academic disciplines, between individual and community, and between the personal self and the transpersonal Self that all spiritual traditions believe to exist beyond the personal ego. The Holistic Curriculum concisely describes how holistic thinking integrates spiritual and scientific perspectives, drawing upon romantic, humanistic, and other radical alternatives to the atomistic worldview of the modern age.: (Http://www.infed.org/biblio/holistic education.htm)

UiTMKS Ke arah Persijilan ISO 9001:2000

- Yusri Sawani



Sebagai menyahut seruan kerajaan yang bermatlamatkan penambahbaikan berterusan, UiTMKS telah mengambil langkah untuk berhijrah ke persijilan ISO 9001:2000. Dari segi sejarahnya penglibatan UiTMKS di dalam ISO telah bermula seawal tahun 2000 lagi di mana UiTMKS telah berjaya mendapat persijilan MS ISO 9002:1994 pada 3 Disember 2000 seterusnya menjadi Kampus UiTM Cawangan yang pertama mendapat persijilan ISO.

8 Prinsip Utama ISO 9001:2000

- *Prinsip 1 Keutamaan Pelanggan*
- *Prinsip 2 Kepimpinan*
- *Prinsip 3 Penglibatan Wargakerja*
- *Prinsip 4 Amalan Pendekatan Proses*
- *Prinsip 5 Pengurusan Bersistem*
- *Prinsip 6 Penambahbaikan Berterusan*
- *Prinsip 7 Membuat Keputusan berasaskan Fakta*
- *Prinsip 8 Hubungan Baik dengan Pembekal Perkhidmatan*

Bermula dari tahun 2003, semua agensi kerajaan yang telah mendapat persijilan MS ISO 9002:1994 dikehendaki untuk menaiktaraf persijilan kepada ISO 9001:2000. Keputusan ini dibuat semasa Mesyuarat Pembangunan Pentadbiran Awam pada 8 Disember 2002. UiTMKS telah mengambil langkah pematuhan terhadap arahan tersebut dan seterusnya telah berjaya mendapat persijilan MS ISO 9001:2000 pada 26 Disember 2004 dari SIRIM dan juga merupakan di antara kampus cawangan yang terawal mendapat persijilan tersebut.

Selaras dengan Visi UiTM untuk menjadi sebuah universiti yang unggul dan bertaraf dunia, UiTM telah mengambil langkah untuk memastikan semua fakulti mendapat persijilan ISO 9001:2000 dari Badan Persijilan Antarabangsa Lloyd's Register of Quality Assurance (LRQA). Fasa pertama persijilan adalah mempastikan semua fakulti mendapat persijilan ISO 9001:2000. Memandangkan UiTM merupakan sebuah universiti yang mempunyai banyak cawangan di seluruh negara, penyeragaman sistem pengurusan kualiti perlu dilakukan dengan menggunakan ISO 9001:2000 sebagai mekanisma penyeragaman. Fasa kedua persijilan adalah untuk semua kampus cawangan. Institut Pengembangan Ilmu (InKA) telah diberi tanggungjawab untuk menjadi perunding dalaman dalam menjayakan program persijilan ISO 9001:2000 oleh LRQA. Bagi UiTM Kampus Sarawak, Juru Perunding yang dilantik oleh Pengurusan UiTM adalah Prof. Madya Dr Sahanum Mohd Shah sebagai Ketua Juru Perunding dan dibantu oleh dua orang perunding, Prof Madya Dr. Annuar Suun (Dekan FSR) dan En. Yussri Sawani (Ketua Program).

Jika dibandingkan di antara ISO 9001:2000 dan ISO 9002: 1994, ISO 9001:2000 adalah lebih mudah dan anjal untuk dilaksanakan oleh sesebuah organisasi yang menggunakan prinsip "Plan-Do-Check-Act" di dalam pengurusan proses. Perubahan yang paling nyata di dalam ISO 9001:2000 adalah ianya berteraskan pendekatan proses (*what is actually done*) dan bukannya berasaskan pendekatan prosedur (*how activities are controlled*). Perubahan ini membolehkan sesebuah organisasi mengiatkan objektif organisasi dengan kebekesanan organisasi dengan lebih jelas dan telus. Secara implementasinya ISO 9001:2000 merangkumi 5 seksyen utama – Sistem Pengurusan Kualiti, Tanggungjawab Pengurusan, Pengurusan Sumber, dan Pengukuran Analisis dan Penambahbaikan



Kursus Aplikasi E-Learning - 3-4 Sept 05

(details in next issue)

















"Holistic education is essentially concerned with connections in human experience – connections between mind and body, between linear thinking and intuitive ways of knowing, between academic disciplines, between individual and community, and between the personal self and the transpersonal Self that all spiritual traditions believe to exist beyond the personal ego."













infokampus2000@yahoo.com